



8 Disember 2016
8 December 2016
P.U. (A) 307

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 5) 2016

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 5) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 5) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri Pahang, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 5) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Disember 2016.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Pahang Darul Makmur”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 44 butiran yang berikut:

“45. (*Laluan 34*): *Jalan Central Spine*

Bermula dari Kg. Kechur di Laluan 8 di koordinat U 4.279776, T 101.973216 dan berakhir di Kg. Seberang Jelai di Laluan 8 di koordinat U 4.245953, T 101.976606 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 23: Negeri Pahang (jarak sepanjang 3.91 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 22: JALAN CENTRAL SPINE, NEGERI PAHANG peta yang berikut: